

130

56

NO SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan menjana kewangan untuk pengubahsuaian defisit belanjawan sebanyak 3.2 peratus KDNK. Adakah Kerajaan akan cuba menjual lebih banyak sekuriti Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan penurunan ketara harga minyak mentah dunia pada suku

keempat tahun 2014, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong kepada USD55 setong. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan telah menyemak semula sasaran paras defisit 2015 sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 3% kepada 3.2%. Bagi menampung peningkatan jumlah defisit sebanyak RM1.3 bilion ini, program pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 juga telah diselaras semula dan akan diperolehi dari sumber domestik. Pada masa yang sama, program pembiayaan Kerajaan Persekutuan tidak akan menyebabkan *crowding-out* di dalam pasaran kewangan domestik memandangkan kecairan yang tinggi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan adalah terhad bagi membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja. Pada masa yang sama, bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, terdapat juga pelbagai kaedah pembiayaan lain yang boleh digunakan selain daripada menerbitkan lebih banyak Sekuriti Kerajaan Malaysia atau Terbitan Pelaburan Kerajaan. Pembiayaan pembangunan juga boleh diperolehi melalui pinjaman projek daripada institusi multilateral atau bilateral menerusi program

132

pembangunan khusus.